



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

Tarikh: 24 Februari 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Program Jualan Rahmah MADANI di Kampung Tanjung Parang dapat sambutan

KOTA SAMARAHAN: Program Jualan Rahmah MADANI anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di Dewan Serba Guna Kampung Tanjung Parang mendapat sambutan hangat daripada penduduk setempat.

Program berlangsung dari jam 9 pagi hingga 2 petang itu berjaya menarik ramai pengunjung yang memanfaatkan peluang mendapatkan barangan pada harga lebih rendah.

Laporan Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS) mendapati orang ramai mula beratur panjang seawal jam 9 pagi untuk mendapatkan barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak paket, telur ayam, ayam segar serta pelbagai barangan



PERLU DIPERLUASKAN: Orang ramai mengambil peluang daripada Program Jualan Rahmah MADANI yang diadakan di Dewan Serba Guna Kampung Tanjung Parang, Kota Samarahan semalam. — Gambar UKAS

basah lain.

Penduduk setempat berharap program itu dapat diadakan secara berkala sekurang-kurangnya dua bulan sekali bagi membantu

meringankan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Selain itu, mereka turut menyarankan agar program itu diperluaskan ke lebih banyak lokasi khususnya di kawasan

luar bandar sekitar daerah Kota Samarahan bagi memastikan lebih ramai penduduk mendapat manfaat daripada jualan Rahmah MADANI ini. — Berita UKAS



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



Lukanisman melawat reruai Kelab Doktor Muda selepas merasmikan Kembara Sihat Sejahtera HePiLi Bersama Didi & Friends Zon Sabah di Kota Kinabalu, semalam.
(Foto Mohd Adam Arininin/BH)

65.6 peratus cecair vape dirampas ada dadah

Kota Kinabalu: Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan sebanyak 65.6 peratus cecair vape yang dirampas pada 2023 dan 2024 mengandungi dadah berbahaya. Timbalan Menteri, Datuk Lukanisman Awang Sauni, berkata berdasar laporan analisis kimia dijalankan, antara jenis dadah dikesan dalam cecair vape seperti Butinaca, MDMA-4en-PI-NACA dan MDMA.

"Setakat ini, tiada pengesanan dadah jenis Psilocybin di dalam cecair vape yang dirampas pihak polis," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kembara Sihat Sejahtera HePiLi Bersama Didi & Friends Zon Sabah di pu-

sat beli-belah Suria Sabah di sini, semalam.

Psilocybin sebahagian daripada kumpulan ubat dipanggil psychedelics atau halusinogen, yang mana ia dikaitkan dengan penyalahgunaan perisa 'Magic Mushroom' dalam cecair vape.

32 kertas siasatan dibuka

Dalam pada itu, Lukanisman memaklumkan sejumlah 32 kertas siasatan terkini dibuka berkaitan kes cecair vape di seluruh negara.

"Setakat September 2024 pula, 90 kertas siasatan sudah dibuka bagi kes sama," katanya.

Ditanya mengenai isu 'Magic

Mushroom', Lukanisman menyatakan pihaknya akan bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) selain Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPD-NHEP) bagi menjalankan penguatkuasaan lebih kerap.

"Kita mahu pihak media memainkan peranan membuat penulisan berita memberi fokus lebih komprehensif berkenaan penjualan cecair vape ini," katanya.

"Ini kerana kadang-kadang Kementerian tidak dapat melaksanakan penguatkuasaan lebih spesifik tanpa maklumat yang jelas," katanya.

Ayam RM5 seekor 'licin' dibeli

- Turut dijual daging lembu, ikan, telur pada harga murah
- Penduduk mahu jualan dianjurkan lebih kerap

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG – Sebanyak 5,000 ekor ayam yang dijual RM5 seekor habis dijual dalam masa satu jam sebagai persediaan menghadapi bulan Ramadan di Taman Etnobotani di sini semalam.

Selain ayam, sebanyak dua tan daging lembu, 15 tan ikan, 600 papan telur dan hampir 1,000 kilogram minyak masak turut disediakan kepada penduduk.

Ahli Dewan Undangan Negeri Galas, Mohd. Syahbuddin Hashim berkata, jualan itu bertujuan untuk membantu meringankan beban rakyat untuk mendapatkan barangan keperluan asas pada harga murah.

"Selepas kejayaan Jualan Musim Bah sebelum ini, saya lihat ia mendapat sambutan bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Melayu, tetapi Cina, India dan Orang Asli. Dianggarkan lebih 5,000 orang mendapat manfaat daripada program tersebut.

"Jualan ini memberi ruang kepada orang kurang berkemampuan menyediakan lauk untuk keluarga di rumah, meringankan beban sekali gus dapat menyambut Ramadan dengan hati yang tenang," katanya ketika ditemui semalam.

Sementara itu, seorang penduduk Projek Penempatan Masyarakat Setempat Kesedar Sejahtera, Rohani Sulaiman, 64, memberitahu, dia dan anaknya datang awal ke dataran Taman



ORANG ramai membeli ayam yang ditawarkan pada harga RM5 seekor di Taman Etnobotani, Gua Musang semalam. – AIMUNI TUAN LAH

Etnobotani untuk membeli barangan makanan pada harga rendah.

Katanya, kebanyakan penduduk yang berpendapatan rendah sentiasa menantikan jualan murah yang dianjurkan oleh pelbagai pihak.

"Harga barangan yang ditawarkan begitu murah. Ayam dijual pada harga RM5 seekor dan daging lembu pula RM23 sekilogram. Biasanya harga dua ekor ayam hampir RM30, tetapi hari ini (semalam) kami hanya mem-

bayar RM10.

"Jadi saya berharap program seperti ini dapat dilakukan secara lebih kerap bagi meringankan kos sara hidup penduduk di sini," katanya.

Seorang lagi penduduk, Siti Nur Iluni Haryati Mohd. Noor, 32, dari Kampung Batu Papan memaklumkan, Jualan Ambang Ramadan memberi kesan baik dalam usaha meringankan kos sara hidup rakyat golongan B40 bagi menghadapi bulan Ramadan tidak lama lagi.

Katanya, dia berharap lebih banyak jualan murah dapat dianjurkan bagi meringankan kos sara hidup rakyat.

"Saya mengambil peluang berkunjung ke jualan yang dianjurkan hari ini (semalam) kerana barangan makanan seperti lauk, sayur-sayuran dan buah-buahan yang dijual sangat murah.

"Harga yang ditawarkan berpatutan apabila keluarga saya dapat berjimat. Harganya jauh berbeza dengan pasar raya atau kedai runcit," katanya.

BEKALAN KELAPA TAK CUKUP

Santan lebih mahal bulan puasa

Oleh Nurul Husna Mahmud
 nurul_husna@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kenaikan harga kelapa dijangka terus meningkat sehingga 30 peratus menjelang Mac sehinggalah Hari Raya Aidilfitri kelak.

Pembekal kelapa dan santan di Pasar Chow Kit di sini, Muhammad Hafizan Md Yusoff berkata, kenaikan harga kelapa didapati mulai naik sejak awal tahun lalu.

"Memang ada isu berkaitan kekurangan bekalan kelapa tempatan sejak awal tahun ini.

"Sebelum ini penghantaran bekalan oleh pembekal adalah dua kali seminggu. Mereka akan menghantar sekurang-kurangnya 300 hingga 500 biji kelapa.

"Kami perlu membekalkan sekitar 100 kilogram (kg) santan setiap hari kepada pelanggan.

"Jika pembekal utama kelapa tempatan dari Bagan Datuk, Perak tidak dapat membekalkan kelapa, kami terpaksa mencari pembekal lain untuk menampung keperluan terbabit. Itu bermakna ada kos tambahan," katanya.

Dia berkata, cabaran lain perlu dihadapi adalah kualiti kelapa dari pembekal kelapa tempatan tidak sebaik kualiti kelapa dibekalkan sebelum ini.

"Meskipun bekalan kelapa ada, kualiti dan saiz kelapa yang dibekalkan juga tidak sama. Kami yang berpuh tahun berniaga di pasar ini tidak dapat menjual harga santan pada harga lama iaitu RM7 sekilog-



TINJAUAN peningkatan harga santan di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur, semalam. - Gambar NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

ram sebelum ini. Sekarang paling murah adalah RM10 ringgit sekilogram.

"Bagi harga kelapa pula, ia dijual pada harga RM3.50 hingga RM4 sebiji berbanding RM2.50 sebelum ini. Harga terpaksa dinaikkan bagi memastikan kami mampu menampung kos operasi," katanya.

Sementara itu peniaga runcit, Marina Abdullah, berkata, kenaikan kelapa lebih ketara pada Thaipu-

sam baru-baru ini. "Kenaikan bukan hanya membabitkan buah kelapa, santan kotak juga mengalami kenaikan.

"Pembekal sudah maklum akan ada kenaikan lagi pada Mac nanti dan kenaikan ketika ini juga sudah cukup ketara. Jika sebelum ini harga kelapa cuma RM2 sebiji namun ia meningkat kepada RM3 hingga RM3.40.

Dia mendapatkan beka-

lan kelapa dua minggu sekali dari pembekal buah kelapa di Kuala Selangor.

Sementara itu, peniaga kuih-muih, Nurul Badariah, 39, mengakui terbebani dengan kenaikan kelapa yang mendadak sejak awal tahun lalu.

"Kenaikan harga kelapa mencanak-canak. Bayangkan harga kelapa RM2.30 sebiji pada Januari lalu meningkat kepada RM4.

"Paling teruk jika bekalan

kelapa tiada. Kalau ada harga untuk sebiji boleh mencecah RM6.

"Peniaga seperti saya memerlukan sekurang-kurangnya 12 biji kelapa untuk hasilkan inti untuk 100 biji kuih koci. "Saya rasa kadang-kala pulangan tidak sepadan dengan hasil dan kerja keras membuat kuih," katanya.

Dia mengakui situasi harga kelapa mencanakah dan bekalan kelapa ti-

dad konsisten akan membebaskan golongan peniaga yang bergantung pada produk tempatan itu. "Ke-bimbangan saya ialah menjelang puasa sehingga musim perayaan yang mana juadah raya kebanyakan berasaskan kelapa dan santan.

"Tentu sahaja pengguna berdepan kenaikan harga barangan tidak munasabah terutama kelapa," katanya.

KUCHING: The Borneo International Consumer Expo (BICE) 2025, the first of its kind in Sarawak and the largest consumer expo in the state, took place at the Borneo Convention Centre Kuching (BCKK) from Feb 20-23.

The event brought together businesses, consumers and traders from across the Borneo region, marking a milestone in regional trade and collaboration.

Deputy Premier Datuk Amar Dr Sim Kui Hian praised BICE 2025 as a key step in boosting regional trade, business ties and cultural exchange in Borneo.

"This is not only the biggest consumer expo in Sarawak, but it also brings the best of Borneo together, be it consumers, businesses, or cultures," he said yesterday.

Dr Sim acknowledged the event's success, highlighting the participation of entrepreneurs, businesses, and consumers from Sarawak, Sabah, Indonesia, and Brunei, with over 400 exhibition booths.

He emphasised that such

BICE 2025 key platform to boost regional trade

platforms are vital in showcasing products, services, investment opportunities, and business networking.

While acknowledging the importance of digitalisation in modern business transactions, Dr Sim underscored the irreplaceable value of in-person interactions.

"Even though digitalisation is crucial, nothing can replace the atmosphere and personal engagement of a face-to-face event. Online platforms allow easy access, but in-person interactions provide a tangible experience that cannot be replicated virtually," he remarked.

He also commended the National Consumer Action Council (MTPN) Sarawak for supporting the event and ensuring that

consumer protection and business ethics remain priorities.

"The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) plays an important role in ensuring transparency in business transactions and consumer protection. It is not about punishing businesses, but rather fostering trust, which is key to a strong consumer-friendly environment," he added.

Dr Sim reaffirmed the Sarawak government's commitment to fostering a thriving business ecosystem, particularly for small and medium enterprises (SMEs).

He referenced Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg's initiative to acquire Affin Bank, aimed at facilitating easier access to loans for local

businesses.

"This acquisition is to ensure that when our SMEs need financial support, they can access it locally without hassle," he said.

Dr Sim highlighted the rise of cross-border trade and digital commerce, noting that Brunei and Indonesia are increasingly using online platforms for business.

"This event is not just about regional trade, it is about strengthening cross-border collaboration. We want prosperity for all. When we work together, we all grow and succeed," he said.

"Let's make Sarawak a model for nation-building, a place where businesses thrive and consumers feel empowered," he added.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 24 FEBRUARI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
24-Feb	Gula-gula kenyal 'mata' pembunuh kanak-kanak	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/02/1189418/gula-gula-kenyal-mata-pembunuh-	HARIAN METERO
24-Feb	Sindiket seleweng LPG guna lori tumpas, 21 individu ditahan	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/sindiket-seleweng-lpg-guna-lori-tumpas-21-individu-ditahan	RTM
24-Feb	KPDN seizes 5,500 counterfeit items worth RM360,000 around Jalan Petaling	https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-seizes-5500-counterfeit-items-worth-rm360000-around-jalan-petaling-NE13716784	THE SUN
24-Feb	Domestic Trade Ministry raids Petaling Street, seizes counterfeit items worth RM360,000	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/02/21/domestic-trade-ministry-raids-jalan-petaling-seizes-counterfeit-items-worth-rm360000/167448	MALAYMAIL
24-Feb	Petaling Street ops sees 5,500 counterfeit items worth RM360,000 seized	https://www.theborneopost.com/2025/02/21/petaling-street-ops-sees-5500-counterfeit-items-worth-rm360000-	THE BORNEO POST
24-Feb	KPDN rampas 5,500 barangan tiruan bernilai RM360,000 di Petaling Street	https://www.tvsarawak.my/2025/02/21/kpdn-rampas-5500-barangan-tiruan-bernilai-rm360000-di-petaling-	TV SARAWAK
24-Feb	Program Jualan Rahmah MADANI di Kampung Tanjung Parang dapat sambutan	https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/23/program-jualan-rahmah-madani-di-kampung-tanjung-parang-	UTUSAN BORNEO

24-Feb	Dua tahun buka lebih 100 kertas siasatan berkait vape	https:// www.hmetro.com.my/ mutakhir/2025/02/1190192/ dua-tahun-buka-lebih-100- kertas-siasatan-berkait-	HARIAN METRO
24-Feb	65.6 peratus cecair vape dirampas 2023, 2024 ada dadah berbahaya	https://www.bharian.com.my/ berita/ nasional/2025/02/1364801/656- peratus-cecair-vape-dirampas- 2023-2024-ada-dadah-berbahaya	BERITA HARIAN
24-Feb	MIROS syor 'dummy buckle' diharamkan	https://www.buletintv3.my/ nasional/miros-syor-dummy- buckle-diharamkan/	TV3